

## **E-mel PALSU Bayaran Balik Cukai Terlebih Bayar**

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin membuat penafian mengeluarkan email (HASIL <[refund-payment@hasil.gov.my](mailto:refund-payment@hasil.gov.my)> ) kepada pembayar cukai yang mengatakan mereka layak diberikan bayaran balik sejumlah RM700.00 lalu mereka diminta klik kepada <http://62.23.69.2/hasil.gov.my/index.php.htm> yang mengarahkan pembayar cukai memberikan butiran diri dan nombor bank mereka.

Di sini LHDNM ingin mengesahkan bahawa e-mel tersebut adalah **PALSU** dan merupakan aktiviti phishing oleh pihak tidak bertanggungjawab untuk mencuri maklumat dan wang pembayar cukai.

Orang ramai yang menerima e-mel tersebut dinasihatkan untuk tidak membukanya serta menghapuskannya dan dilarang memberikan sebarang maklumbalas terhadap arahan yang terkandung di dalamnya.

Bahagian Keselamatan ICT, LHDNM telah bertindak pantas memaklumkan hal ini kepada Suruhjaya Keselamatan ICT Malaysia bila mengesan aktiviti bermula semalam dan laman tersebut telah dipintas dan ditutup. Ini adalah merupakan cubaan ketiga untuk menipu pembayar cukai.

Harap maklum bahawa setiap data dan maklumat pembayar cukai adalah dijamin selamat dalam simpanan LHDNM. Sebarang pertanyaan dan kemusykilan berkaitan hal ini boleh diajukan kepada Pusat Khidmat Pelanggan LHDNM di talian 1-300-88-3010 atau melalui e-mel [callcentre@hasil.gov.my](mailto:callcentre@hasil.gov.my).

**SEKIAN, TERIMA KASIH**

<b>Dikeluarkan oleh</b>	<b>:</b>	<b>Mazlan Wan Chik</b> <b>Pengarah Komunikasi Korporat</b> <b>Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia</b>
<b>Tarikh</b>	<b>:</b>	<b>14 March 2010</b>
<b>Nombor Telefon</b>	<b>:</b>	<b>03-6203 1380</b>
<b>Nombor Faks</b>	<b>:</b>	<b>03-6201 2434</b>
<b>Pusat Khidmat Pelanggan</b>	<b>:</b>	<b>1-300-88-3010</b> <b><u><a href="http://www.hasil.gov.my">www.hasil.gov.my</a></u></b>